

PROSES PENDAKWAHAN DALAM PENGISLAMAN SUKU KAUM MURUT DI TENOM SABAH

Process of Preaching in The Islam of The Murut Tribes in Tenom Sabah

Zuraidah Tabari

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
Zuraidah1@gmail.com*

Dihantar:03 okt. 2024 / Diterima:11 Sept. 2024 / Terbit:31 Disember 2024

Abstrak

Suku kaum Murut terkenal dengan kepercayaan animisme, khususnya Aki Kaulung sebagai 'Datuk Besar', yang menjadi asas dalam gaya hidup mereka untuk mencapai keseimbangan hidup. Namun, seiring dengan perkembangan zaman, ramai daripada mereka memeluk agama Islam, meskipun proses pengislaman ini berlangsung lama. Agama Islam mula masuk ke pedalaman Sabah pada tahun 1969, termasuk daerah Tenom, dengan USIA memainkan peranan penting dalam pengislaman besar-besaran di kalangan suku kaum Murut. Melalui usaha dakwah yang berterusan, termasuk penubuhan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah dan institusi pendidikan, Islam berjaya bertapak kukuh di Sabah. Proses pengislaman ini turut membawa perubahan besar dalam gaya hidup masyarakat Murut di Tenom, yang sebelumnya mengamalkan tradisi animisme seperti memakan khinzir dan minum arak, kini beralih kepada amalan yang berlandaskan ajaran Islam.

Kata Kunci: Murut, Islam, Dakwah

Abstract

The Murut tribe is well-known for its ancestral belief in animism, particularly the worship of Aki Kaulung as the 'Datuk Besar'. Their lifestyle has long been intertwined with these ancestral practices, which were integral to maintaining balance in life. However, over time, many members of the tribe embraced religion, especially Islam. The

acceptance of Islam among the Murut people, though, was a gradual process. Islam entered the interior of Sabah in 1969, including the Tenom district, and the USIA played a pivotal role in the widespread conversion of the Murut tribe. The efforts of USIA led to significant Islamization, allowing Islam to take root in Sabah and become the state's official religion. This missionary work was further supported by the establishment of the Sabah State Department of Islamic Religious Affairs and educational institutions. The ongoing efforts of Islamic outreach not only led to conversions but also had a profound impact on the lifestyle of the Murut community in Tenom. Practices that were once central to their animistic beliefs, such as consuming pork and alcohol, were gradually replaced by a lifestyle in line with Islamic teachings.

Keywords: Murut, Islam, Dakwah

Pengenalan

Suku kaum Murut digelar sebagai "hill people" kerana mereka tinggal di kawasan berbukit atau lereng bukit. Mereka biasanya menetap di rumah panjang dan mengamalkan kehidupan yang harmoni dalam keluarga besar (Prentice, 1965). Kebanyakan daripada mereka terlibat dalam aktiviti ekonomi seperti pertanian berpindah, memburu, dan menangkap ikan di sungai. Selain itu, terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa istilah "Murut" berasal daripada perkataan "burut", yang merujuk kepada sejenis tumbuhan berubi yang sangat disukai oleh masyarakat ini. Gelaran "Murut" ini dikaitkan rapat dengan budaya dan kebiasaan mereka yang unik. Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa asal usul suku kaum Murut terletak di dua kawasan utama, iaitu Kalimantan dan Pensiangan, Malaysia. Kedua-dua tempat ini terletak di Kepulauan Borneo, namun dipisahkan oleh sempadan antara Malaysia (Sabah) dan Indonesia (Kalimantan). Suku kaum Murut terdiri daripada 12 sub-etnik, antaranya Murut Tahol, Paluan, Tangala, Serudong, dan sebagainya.

Perkembangan suku kaum Murut dapat dilihat melalui peningkatan jumlah penduduknya, terutamanya di Sabah. Suku kaum ini merupakan salah satu suku kaum terbesar di Sabah dan mendiami kawasan pedalaman seperti Keningau, Tenom, Kemabong, dan Nabawan. Secara keseluruhan, suku kaum Murut di Sabah dianggarkan berjumlah sekitar 50,000 orang, yang mewakili sekitar 2.9% daripada jumlah penduduk negeri tersebut.

Pengislaman Suku Kaum Murut di Tenom

Proses pengislaman suku kaum Murut di Tenom merupakan bukti kejayaan aktiviti dakwah yang telah dilakukan melalui usaha yang panjang dan sistematik. Islam telah mula diperkenalkan di Sabah sejak zaman Kesultanan Sulu dan Brunei. Namun begitu, proses pengislaman pada ketika itu lebih tertumpu kepada komuniti Melayu, khususnya di kawasan Pantai Timur Sabah, dan kurang melibatkan masyarakat di kawasan pedalaman seperti Tenom (Syamruddin Nasution & Abd. Ghofur, 2017: 153; Dokumen Gezetir, 2012: 26; Muhiddin Yusin, 1990: 6). Walaupun terdapat peranan pedagang dalam menyebarkan Islam di Sabah, kesannya tidak meluas ke kawasan pedalaman yang majoritinya berpegang kepada kepercayaan animisme.

Seiring peredaran zaman, Islam mula diperkenalkan di kawasan pedalaman melalui usaha gigih pendakwah seperti Mandur Sharif, yang memainkan peranan penting dalam pengislaman masyarakat tempatan di Ranau (Mohd Nur Hidayat *et al.*, 2018). Mandur Sharif, seorang mandur ladang getah yang berasal dari luar Sabah, menggunakan kemahirannya dalam perubatan tradisional untuk menarik minat penduduk tempatan terhadap Islam. Namun, aktiviti dakwah beliau terhenti apabila beralih ke bidang politik. Usaha dakwah ini diteruskan oleh pendakwah dari kalangan masyarakat Kadazandusun yang berhijrah ke kawasan seperti Tambunan, Keningau, Sook, Nabawan, dan Tenom (Najion Jamil, 2010).

Di samping itu, pendakwah seperti Mohd Fadli Yusof juga memainkan peranan penting dalam dakwah di kawasan Pensiangan, yang turut memberi impak kepada kawasan sekitarnya termasuk Tenom. Beliau menggunakan pendekatan psikologi dan membina hubungan sosial yang baik untuk menyampaikan mesej Islam. Aktiviti dakwah beliau juga berkait rapat dengan penghijrahan dan perkahwinan antara masyarakat setempat (Najion Jamil, 2010).

Pelaksanaan dakwah secara lebih terancang dan meluas di Sabah dicapai melalui peranan United Sabah Islamic Association (USIA) di bawah pimpinan Tun Datu Mustapha. Melalui misi dakwah besar-besaran, banyak masyarakat termasuk suku kaum Murut memeluk Islam (Mohd Nur Hidayat *et al.*, 2021: 132). USIA juga menggunakan khidmat pendakwah terlatih dari Semenanjung Malaysia untuk meningkatkan keberkesanan usaha dakwah (Awang Sahari Abdul Latif,

2003: 257-271). Namun, terdapat isu seperti pengislaman beramai-ramai tanpa pengetahuan individu, yang menyebabkan sebahagian masyarakat hanya Islam secara formal tetapi tidak mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh. Hal ini menimbulkan kekeliruan dan kepincangan dalam usaha pengislaman jangka panjang. Oleh itu, bagi mengatasi kelemahan ini, tanggungjawab dakwah kemudiannya dipindahkan kepada Majlis Agama Islam Sabah (MUIS) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). Penubuhan MUIS pada tahun 1971 adalah langkah penting dalam memastikan pengurusan hal ehwal Islam di Sabah dapat dijalankan secara sistematik. MUIS melaksanakan pelbagai program dalam bidang pendidikan, dakwah, zakat, baitulmal, dan pengurusan haji. Seterusnya, JHEAINS ditubuhkan sebagai agensi pelaksana bagi memperkasakan aktiviti dakwah di peringkat daerah (Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Sabah 1992; Enakmen No.5 Tahun 2004).

Bagi menyokong saudara baru, MUIS turut menubuhkan beberapa Pusat Latihan Dakwah (PLD). Institusi ini bukan sahaja membimbing individu yang baru memeluk Islam tetapi juga mendorong pengislaman di Tenom, terutama melalui aktiviti pendidikan yang diadakan di Keningau dan kawasan sekitarnya. Perkembangan ini menjadi bukti kejayaan proses dakwah dan pengislaman yang signifikan di kalangan suku kaum Murut di Tenom.

Proses Pendakwahan Islam Murut

Pengislaman suku kaum Murut di Tenom adalah suatu proses yang panjang dan kompleks, melibatkan pelbagai pendekatan dakwah yang strategik. Salah satu medium dakwah yang terbukti berkesan adalah melalui institusi perkahwinan. Menurut Ustazah Jawriah, sebahagian besar pengislaman kaum Murut berlaku melalui perkahwinan, seperti yang dijelaskan:

Kemasukan agama Islam ini, kalau dari segi peratusan kalau kita ambil dari 100%, 80% disebabkan perkahwinan di antara yang bukan Islam dengan yang beragama Islam (Temubual Ustazah Jawriah).

Proses ini berlaku apabila individu bukan Islam memilih untuk memeluk Islam sebagai syarat berkahwin dengan pasangan beragama

Islam. Melalui perkahwinan, bukan sahaja ikatan kekeluargaan diperkukuhkan, tetapi ia turut membuka ruang untuk memperkenalkan ajaran Islam kepada keluarga dan komuniti pasangan yang bukan Islam. Pendekatan ini memperlihatkan peranan penting perkahwinan sebagai cara efektif dalam menyebarkan Islam di kalangan suku kaum Murut.

Pendakwah juga memainkan peranan penting dalam membina hubungan sosial yang baik dengan masyarakat Murut. Pendekatan ini melibatkan interaksi yang harmoni, menghormati budaya serta cara hidup masyarakat setempat, dan memahami psikologi mad'u (sasaran dakwah). Dengan tidak menghakimi secara langsung, pendakwah berjaya mendekati masyarakat Murut, menjadikan hubungan ini sebagai jambatan ke arah pengislaman mereka.

Selain daripada usaha individu, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAINS) cawangan Tenom turut menyumbang melalui pelbagai program dan aktiviti dakwah. Program seperti Program Jahitan Manik Tradisi Murut, Kelas Bimbingan Rakan Kita, dan Kem Mualaf dirancang untuk memperkukuhkan pemahaman masyarakat terhadap Islam, sambil menjaga kebajikan dan memberi sokongan kepada saudara baru.

Program Jahitan Manik Tradisi Murut, khususnya, mencerminkan pendekatan kreatif dakwah yang mesra budaya. Aktiviti ini bukan sahaja mengekalkan warisan budaya suku kaum Murut tetapi juga membina hubungan yang erat antara masyarakat Islam dan bukan Islam. Program ini turut mengintegrasikan elemen pendidikan Islam seperti pengajaran fardhu ain dalam sesi aktiviti. Ustazah Siti Jawriah menjelaskan:

Program Jahitan Manik Tradisi Murut. Dalam masa yang sama, kita isi fardhu ain dalam tu. Jadi dia ada dua dalam satu. Walaupun kau tidak minat dalam ilmu, tapi kau sudah datang itu majlis untuk jahit-jahitkan, jadi kau akan belajar (Temubual Ustazah Siti Jawriah).

Melalui pendekatan-pendekatan ini, pendakwah berjaya mewujudkan suasana yang inklusif dan harmonis, yang akhirnya memudahkan penyebaran Islam di kalangan masyarakat Murut di Tenom. Pendekatan yang menggabungkan elemen budaya, sosial, dan

keagamaan ini adalah contoh keberkesanan dakwah berteraskan pemahaman konteks masyarakat setempat.

Impak Proses Dakwah Kaum Murut

Proses pendakwahan di kalangan kaum Murut di Tenom telah membawa kesan besar, mencerminkan perubahan ketara dari segi kepercayaan, struktur sosial, gaya hidup, dan institusi kekeluargaan.

i. Perubahan Kepercayaan

Pada asalnya, kaum Murut berpegang kepada kepercayaan tradisional nenek moyang mereka seperti penghormatan kepada semangat Aki Kaulung. Dengan kedatangan Islam, kepercayaan ini mula digantikan oleh prinsip-prinsip Islam, yang memberikan panduan hidup yang lebih terarah. Proses ini bukan sahaja mencerminkan transformasi spiritual tetapi juga perubahan pandangan dunia dalam kalangan masyarakat Murut, menjadikan mereka lebih selaras dengan ajaran Islam.

ii. Pertambahan Komuniti Islam

Impak pendakwahan turut terlihat dalam peningkatan jumlah masyarakat Murut yang memeluk Islam. Berdasarkan data dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), antara tahun 1996 hingga 2024, sebanyak 1,365 orang kaum Murut di Tenom telah memeluk Islam, dengan 521 lelaki dan 844 perempuan. Walaupun agama Kristian kekal dominan, pertumbuhan komuniti Islam ini membuktikan keberkesanan usaha pendakwah dalam memperluas pengaruh Islam di Tenom (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah). Pendekatan dakwah yang menghormati budaya tempatan dan memberikan nilai tambah dalam kehidupan sosial berjaya membantu masyarakat Murut menerima ajaran Islam.

iii. Perubahan Institusi Kekeluargaan

Proses pengislaman juga membawa impak positif kepada institusi kekeluargaan. Masyarakat Murut yang dahulunya berpegang kuat kepada adat yang tegas kini lebih terbuka dalam menyelesaikan konflik. Sebagai contoh, dahulu ibu bapa yang menghadapi masalah serius seperti anak melanggar adat sering bertindak keras seperti membuang anak. Namun, ajaran Islam membantu mereka mengatasi situasi ini

dengan lebih tenang dan bijaksana, seperti yang dijelaskan oleh Ustazah Jawriah:

Ibubapa berfikiran terbuka dalam kes yang seriuslah sehinggakan ada buang anak, tidak menganggap sebagai anak (Temubual Ustazah Jawriah)

Pendekatan Islam yang menitikberatkan tanggungjawab dan keharmonian keluarga berjaya mengurangkan kejadian negatif seperti pembuangan bayi di Tenom. Sebaliknya, keluarga dibimbing untuk membantu anak-anak yang bermasalah dengan menyokong perkahwinan yang sah dan menjaga maruah keluarga.

iv. Perubahan Gaya Hidup

Satu lagi kesan penting adalah perubahan dalam gaya hidup masyarakat Murut yang memeluk Islam. Mereka mula meninggalkan amalan tradisional seperti minum tapai (arak daripada nasi) dan menghadiri aramaiti (keramaian besar). Menurut seorang responden, Aeiana Shaira Binti Abdullah:

Boleh ikut cara Islam. Contohnya dari segi penampilan iaitu boleh sudah pakai tudung. Dari segi cara hidup pula, ada yang sudah mula meninggalkan daripada minum tapai (arak yang diperbuat daripada nasi) kepada tidak minum tapai dan ada yang suka aramaiti (majlis keramaian), kepada kurang-kurang sudah (Temubual bersama Aeiana Shaira Binti Abdullah).

Perubahan ini mempermudah usaha pendakwah untuk mengadakan program keagamaan seperti kelas fardhu ain dan bengkel bimbingan bagi memantapkan pemahaman masyarakat Murut terhadap Islam. Impak pendakwaan dalam pengislaman kaum Murut di Tenom bukan sahaja terbatas kepada perubahan spiritual tetapi meluas kepada aspek sosial, institusi kekeluargaan, dan gaya hidup. Dengan pendekatan dakwah yang harmoni dan mesra budaya, usaha ini membawa harapan baru bagi perkembangan Islam di kalangan kaum Murut di Tenom, Sabah.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat dinyatakan bahawa penyebaran agama Islam sehingga berjaya dibawa masuk ke Tenom, dan bertapak kukuh di daerah tersebut bukanlah suatu perkara yang mudah. Melainkan, memerlukan suatu proses yang panjang sehingga memakan waktu yang begitu lama dan memerlukan kegigihan daripada para pendakwah dalam menarik minat masyarakat Murut di Tenom, yang memiliki kepercayaan dan cara hidup yang dilihat jauh berbeza sekali dengan kehidupan berlandaskan agama Islam. Dengan adanya pelbagai inisiatif yang digunakan para pendakwah, khususnya dalam membina kepercayaan dan hubungan sosial yang baik antara mereka dengan masyarakat Murut bukan Islam telah membawa kepada pengislaman mereka. Malahan, jumlah pengislaman dalam kalangan kaum tersebut juga dilihat begitu memberangsangkan. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa turut adanya pelbagai cabaran yang dilihat. Bukan Sahaja sebelum kemasukan Islam, akan tetapi juga selepas kemasukan mereka khususnya dalam mendalami agama ini. Oleh itu jelaslah bahawa, keberkesanan aktiviti dakwah di daerah Tenom haruslah sentiasa dipertingkatkan bagi memastikan agama Islam dapat diperluaskan lagi.

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib dan Laporan Kerajaan

- Arkib Negara Malaysia. *Risalah Gerakan USIA*. No. 2015/0001489.
Dokumen Gezetir. (2012). *Negeri Sabah*. Jawatankuasa Kebangsaan Nama Negeri (JKNG) Malaysia.
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah. (2024). *Jumlah Daftar Pengislaman Kaum Murut di daerah Tenom 1996 sehingga 2024*.

Jurnal dan Buku

- Abd Hadi Borham, et al. (2021). Metod Dakwah dalam Pengislaman di Sabah (Sebelum Era Penguasaan British Crown Colony). *Jurnal Usuluddin*. 49(1), 1-26.
Awang Sahari Abdul Latif. (2003). Mandur Sharif dan kegiatan di Sabah, Dalam, Anwar Fakhri Omar *et al. Islam di Sarawak dan Sabah*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
Mohd Nur Hidayat *et al.* (2018). Migrasi Mandur Sharif dan Peranannya dalam Penyebaran Islam terhadap Penduduk Pedalaman.

*Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) VIII: Sinergi Ulama
dan pemerdayaan Umat.*

- Mohd Nur Hidayat, *et. al.* (2021). Gerakan Dakwah dan Impaknya Terhadap Peningkatan Komposisi Muslim di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 125-139.
- Muhiddin Yusin. (1990). *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Najion Jamil. (2010). *Pembentukan Malaysia dan impaknya terhadap perkembangan Islam di Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.
- Syamruddin Nasution & Abd. Ghofur. (2017). Perkembangan Islam di Sabah Malaysia (Perspektif Sosio-Historis). *TOLERANSI: Media Komunikasi umat Beragam*. 9(2), 152-183.

Temu Bual

- Aeiana Shaira Binti Abdullah, 25 Tahun, Kampung Pangie . 26 Jun 2024.
- Ustazah Jwariah. 44 tahun. Kampung Lagut Seberang. Pembantu Hal Ehwal Islam daerah Tenom. 20 Jun 2024